

# CUEPACS tidak terima rungutan kakitangan awam

**Kuala Lumpur:** Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) tidak menerima sebarang aduan atau rungutan pada hari pertama pelaksanaan arahan bekerja dari rumah (BDR) bagi kakitangan awam, semalam.

Presidennya, Adnan Mat, berkata BDR bukan perkara baharu kerana ia sudah pun bermula 18 Mac lalu ketika pelaksanaan Pe-

rintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Katanya, BDR mula menjadi norma baharu kepada segelintir penjawat awam dan setakat ini, ia tidak menjejaskan kualiti perkhidmatan kepada rakyat.

"Menerusi pekeliling dikeluarkan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Tan Sri Mohd Khairul Abd Rahman), hanya 30 peratus daripada penjawat awam yang

perlu berada di pejabat dan cara kerja ini tidak membabitkan sektor perkhidmatan kritikal.

"Oleh itu, urus tadbir sedemikian tidak merencatkan taraf perkhidmatan kepada rakyat, namun CUEPACS terbuka untuk menerima sebarang aduan atau rungutan sekiranya ada perkhidmatan yang terkesan.

"Menerusi aduan atau rungutan itu, kita akan cuba tambah baik kualiti perkhidmatan dan pengu- rusan kerja supaya proses perkhid- matan kepada rakyat sentiasa di- berikan jaminan kerana kita fa- ham masalah yang dihadapi ketika pandemik COVID-19," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Kelmarin, Mohd Khairul dila-

**CUEPACS** terbuka untuk menerima sebarang aduan atau rungutan sekiranya ada perkhidmatan yang terkesan.

**Adnan Mat,** Presiden CUEPACS

porkan berkata, hanya 30 peratus daripada jumlah maksimum pegawai perkhidmatan awam Persekutuan, dibenarkan berada di pejabat mulai semalam sehingga tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Peraturan itu terpakai untuk negeri dan kawasan yang berada dalam PKPB, iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Selangor, Putrajaya serta Sabah.

Menerusi pengoperasian pada tahap 30 peratus itu, ketua jabatan juga harus memastikan perkhidmatan asas agensi tidak terjejas dan berterusan dapat dicapai oleh pelanggan berdasarkan Piagam Pelanggan kementerian, jabatan atau agensi masing-masing.

Mengulas lanjut, Adnan berkata sejak kali pertama BDR dilaksanakan 18 Mac lalu, ia memberikan tempoh mencukupi bagi penjawat awam membuat pengubahsuaian cara bekerja di luar pejabat.

Selain itu, beliau berkata, kelonggaran menerusi BDR memberikan kelegaan kepada ibu bapa dalam kalangan penjawat awam selepas taska dan sekolah ditutup, selari pengumuman PKPB di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

"Apa yang penting sekarang ialah BDR ini dilaksanakan bagi mengekang COVID-19 dan kewujudan kluster baharu di persekitaran tempat kerja," katanya.

## Ibadat & Fadilat

"Tidaklah seseorang itu digelar al-Wasil (penyambung silaturrahim) apabila dia bersifat al-Mukafi'i (orang yang menyambung silaturrahim jika saudaranya menyambungnya dan akan memutuskan apabila mereka memutuskannya), akan tetapi al-Wasil itu ialah seseorang yang apabila terputus silaturrahim, beliau segera menyambungkannya."

(Hadith riwayat al-Bukhari)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:56	1:05	4:25	7:02	8:13
Alor Setar	5:55	1:05	4:24	7:02	8:13
P. Pinang	5:55	1:05	4:24	7:03	8:13
Ipoh	5:52	1:03	4:21	7:02	8:12
Kuala Lumpur	5:49	1:00	4:18	7:00	8:10
Shah Alam	5:49	1:00	4:18	7:00	8:10
Johor Bahru	5:38	12:52	4:09	6:53	8:03
Kuantan	5:43	12:55	4:12	6:54	8:05
Seremban	5:46	12:59	4:16	6:59	8:09
Bandar Melaka	5:45	12:58	4:16	6:58	8:08
Kota Bharu	5:48	12:58	4:17	6:55	8:02
K. Terengganu	5:44	12:54	4:13	6:52	8:02
Kota Kinabalu	4:53	12:04	3:23	6:01	7:12
Kuching	5:13	12:27	3:44	6:27	7:38



Keratan akhbar BH, semalam.